



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**POLA DAN FAKTOR PENYEBAB PERMASALAHAN
KANAK-KANAK AWAL REMAJA**

ASRIAH BT SARBINI

FPP 1999 2

**POLA DAN FAKTOR PENYEBAB PERMASALAHAN KANAK-
KANAK AWAL REMAJA**

**OLEH
ASRIAH BT SARBINI**

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai
Memenuhi Syarat Keperluan Ijazah Master Sains Bimbingan
Dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti
Putra Malaysia**

Februari 1999



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi atas petunjuk dan keiznannya jua, dapatlah disiapkan kajian ilmiah ini. Tanpa pertolongan dan petunjuknya, amatlah sukar bagi saya menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Datin Dr. Hajjah Mizan Adiliah bt Ahmad Ibrahim, selaku penyelia kertas projek ini, yang telah banyak memberi bantuan, bimbingan dan nasihat tanpa mengira hari dan waktu. Kesanggupan beliau memberi bimbingan yang tidak terhingga itu tidak dapat saya balas, dan saya berdoa semoga Allah memberi balasan dan ganjaran yang setimpal atas usaha-usaha beliau, dan semoga beliau sekeluarga sentiasa dalam peliharaan dan rahmat Allah.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan buat suami tercinta Sengari Kasmin, dan anak-anak tersayang Illi Izzati, Afiq Hakimi, Luqman Hakim dan Liyana Safira, yang telah banyak memberi dorongan dan bantuan. Kesabaran kalian amat kuhargai, dan kalianlah sumber kekuatan buat diriku ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang telah memberi keizinan dan laluan untuk menjalankan kajian ini. Kepada guru besar dan guru-guru sekolah-sekolah rendah di Kuala Lumpur dan Kuala Langat yang telah memberi kerjasama kepada saya menjalankan soal-selidik di sekolah masing-masing. Kepada murid-murid yang telah menjawab soal-selidik dengan sempurna dan memuaskan. Semoga kalian akan terus mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Seterusnya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan yang tidak ketinggalan memberi pandangan dan bantuan untuk saya menyiapkan kajian ini. Istimewa buat Noor, Adiah dan Yati, yang telah memberi dorongan sepanjang pengajian.

Akhir sekali saya merakamkan penghargaan ini buat semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Wassalam.

DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB	
I LATARBELAKANG KAJIAN	
Masalah Remaja	1
Pernyataan Masalah	9
Matlamat Kajian	11
Objektif Kajian	11
Persoalan Kajian	12
Hipotesis Kajian	13
Definisi Operasional	
Kanak-Kanak Awal Remaja	14
Pola Permasalahan	14
Masalah Ringan	15
Masalah Berat	15
Faktor Penyebab Masalah	15
Status Sosio-Ekonomi	16
Sekolah Bandar	17
Sekolah Luar Bandar	17
Pola Rujukan Pembimbing	18
Kepentingan Kajian	19
Batasan Kajian	21
II SOROTAN KAJIAN LEPAS	
Pendahuluan	22
Latar Belakang Teoritikal	23
Senario Permasalahan Kanak-Kanak Awal Remaja Di Malaysia	36

II	SOROTAN KAJIAN LEPAS	
	Pendahuluan	22
	Latar Belakang Teoritikal	23
	Senario Permasalahan Kanak-Kanak Awal Remaja Di Malaysia	36
	Permasalahan Kanak-Kanak Awal Remaja	40
	Faktor Penyebab Permasalahan Kanak-Kanak Awal Remaja	53
	Pola Rujukan Pembimbing	64
	Kesimpulan	69
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pendahuluan	71
	Reka Bentuk Kajian	71
	Alat Kajian	72
	Kajian Rintis	74
	Populasi Dan Sampel	76
	Tatacara Kajian	77
	Analisis Data	79
IV	DAPATAN KAJIAN	
	Pendahuluan	81
	Analisa Sampel	82
	Pola Permasalahan Kanak-Kanak Awal Remaja ..	83
	Masalah Kesihatan Dan Fizikal	84
	Masalah Kewangan Dan Kehidupan	85
	Masalah Sosial Dan Hiburan	87
	Masalah Perkahwinan Dan Seks	90
	Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal ..	92
	Masalah Peribadi Psikologikal	94
	Masalah Moral Dan Agama	96
	Masalah Keluarga Dan Rumah Tangga	98
	Masalah Akademik Dan Kerjaya	101
	Masalah Penyesuaian Kerja	104
	Masalah Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran.....	106
	Analisa Kategori masalah Mengikut Kedudukan	108

Faktor Penyebab Masalah Kanak-Kanak Awal Remaja	110
Ujian Hipotesis Kajian	
Perbezaan Mengikut Umur	111
Perbezaan Masalah Mengikut Jantina	112
Perbezaan Masalah Mengikut Bandar Luar Bandar	114
Perbezaan Masalah Mengikut Taraf Sosio-Ekonomi	115
Pola Rujukan Pembimbing	118
V PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN, RUMUSAN DAN PENUTUP	
Pendahuluan	120
Perbincangan	
Pola Masalah Kanak-kanak Awal Remaja ..	120
Sebelas Kategori Masalah Kanak-Kanak Awal Remaja	125
Faktor Penyebab Masalah Kanak-Kanak Awal Remaja	136
Perbezaan Masalah Dengan Umur, Jantina, Sekolah Dan Taraf Sosio-Ekonomi	145
Pola Rujukan Pembimbing	149
Implikasi Kajian dan Cadangan	150
Cadangan Program Pendidikan Sekolah Rendah	151
Cadangan Program Untuk Kementerian Pendidikan Malaysia	155
Cadangan Untuk Ibu Bapa	157
Cadangan Kajian Lanjutan	160
Rumusan dan Penutup	162
BIBLIOGRAFI	165
LAMPIRAN	
Lampiran A	170
Lampiran B	181
Lampiran C	183
Lampiran D	185
PENGESAHAN PENYELIA PROJEK	186

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Kategori Masalah Dan Susunan Item Dalam MPCL	73
2	Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Berasaskan Faktor Yang Terkandung Dalam MPCL	74
3	Pekali Kebolehpercayaan Menggunakan <i>Reliability Analysis - Scale Split</i>	75
4	Bilangan dan Peratusan Sampel Berdasarkan Umur, Jantina, Dan Taraf Sosio-Ekonomi	83
5	Masalah Kesihatan Dan Fizikal Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	84
6	Masalah Kewangan Dan Kehidupan Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	86
7	Masalah Sosial Dan Hiburan Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	88
8	Masalah Perkahwinan Dan Seks Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	90
9	Masalah Perhubungan Sosial Psikologikal Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	92
10	Masalah Peribadi Psikologikal Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	94
11	Masalah Moral Dan Agama Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	96
12	Masalah Keluarga Dan Rumahtangga Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	99
13	Masalah Akademik Dan Kerjaya Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	101

14	Masalah Penyesuaian Kerja Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	104
15	Masalah Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350) Dalam Peratus	106
16	Analisa Kategori Masalah Berat Mengikut Kedudukan	108
17	Analisa Kategori Masalah Ringan Mengikut Kedudukan	109
18	Analisa Bagi Faktor Penyebab Masalah Kanak-Kanak Awal Remaja (N=350)	110
19	Ujian-t Untuk Menguji Perbezaan Masalah Berdasarkan Jantina	113
20	Ujian-t Untuk menguji Perbezaan Signifikan antara Masalah Murid Bandar dan Luar Bandar	114
21	Ujian ANOVA Untuk Menguji Perbezaan Signifikan Antara Masalah Murid Berlainan Taraf Sosio-Ekonomi	116
22	Ujian <i>Post Hock Multiple Coparison LSD</i> Untuk Menguji Perbezaan Min Signifikan Berdasarkan Taraf Sosio-Ekonomi	117
23	Analisa Pola Rujukan Pembimbing Bagi Kanak-Kanak Awal Remaja	119



SENARAI SINGKATAN

MPCL	-	Mooney Problem Check List
SES	-	Taraf Sosio-Ekonomi
SRK	-	Sekolah Rendah Kebangsaan
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
EPRD	-	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan
SPSS	-	Statistical Packages For The Social Sciences
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
B & K	-	Bimbingan & Kaunseling
LPPKN	-	Lembaga Perancangan Dan Pembangunan Keluarga Negara
NGO	-	Pertubuhan Bukan Kerajaan (Non-Government Organisation)
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat



Abstrak Kertas Kerja Penyelidikan Yang Dikemukakan Kepada
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia Sebagai
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-Syarat Keperluan
Ijazah Master Sains.

POLA DAN FAKTOR PENYEBAB PERMASALAHAN KANAK- KANAK AWAL REMAJA

Oleh
ASRIAH BT SARBINI

Februari 1999

Penyelia : Mizan Adiliah Bt Ahmad Ibrahim, Ph.D.
Fakulti : Pendidikan

Kajian ini dijalankan ke atas 350 sampel yang berumur 11 dan 12 tahun, (175 mewakili murid bandar dan 175 lagi mewakili murid luar bandar) yang sedang belajar di tahun 5 dan 6 sekolah rendah. Kajian yang bertujuan untuk mengesan pola permasalahan dan faktor penyebab masalah kanak-kanak tersebut menggunakan alat ukur *Mooney Problem Check List* (MPCL) yang mengandungi 220 item. Hasil kajian mendapati bahawa kanak-kanak awal remaja tersebut mengalami pelbagai masalah iaitu masalah berat dan masalah ringan dalam kesemua 11 kategori masalah dalam MPCL. Masalah berat utama yang dihadapi oleh kanak-kanak tersebut ialah masalah Penyesuaian Kerja, diikuti dengan masalah Moral Dan Agama, dan masalah Peribadi Psikologikal. Sementara masalah ringan utama yang mereka hadapi ialah masalah Peribadi Psikologikal, kedua masalah Sosial dan Hiburan, dan ketiga masalah Penyesuaian Kerja. Ujian-t yang dijalankan menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara masalah dengan umur yang

berbeza. Terdapat perbezaan signifikan antara masalah dengan jantina berbeza, dalam 5 kategori masalah. Terdapat perbezaan signifikan antara masalah di kalangan murid bandar dengan murid luar bandar dalam satu kategori masalah iaitu masalah Kurikulum dan Kaedah Pengajaran. Ujian Anova pula mengesahkan terdapat perbezaan signifikan antara masalah dengan taraf sosio-ekonomi yang berbeza dalam 5 kategori masalah. Kesimpulannya, kanak-kanak awal remaja mengalami masalah utama yang sama seperti masalah remaja peringkat yang lebih tinggi iaitu masalah Penyesuaian Kerja, tetapi dari segi kepelbagaian mereka mengalami masalah yang lebih lebih pelbagai berbanding remaja yang lebih tinggi. Faktor Penyebab Permasalahan kanak-kanak awal remaja tersebut pula ialah faktor Penyesuaian Kerja-Kerja Sekolah.

Abstract of the Project Paper Research Submitted to the Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia in Partial Fulfillment of the Requirement for the Degree of Master of Science.

**PATTERN AND CAUSAL FACTORS OF PROBLEMS IN
EARLY ADOLESCENCE**

**By
ASRIAH BT SARBINI**

FEBRUARY 1999

**Supervisor : Mizan Adiliah Bt Ahmad Ibrahim, Ph.D
Faculty : Education**

This research was conducted among 350 samples randomly chosen between 11 and 12 years old, who study in year 5 and 6 in primary school (175 pupils represented urban early adolescence children, and the other 175 represented rural adolescence). This research was to find out how the pattern of problems and the causes of the problems among early adolescence children, using Mooney Problem Check List (MPCL) contains 220 items. The result showed that the children have variety of problems, which concluded that they have major and minor problems in all 11 categories of problems contain in MPCL. The major problems that the children face are Assignment Adaptation, Religion and Ethics, and Psychological Personality Problems. The minor problem that the children face are Psychological Personality, Social and Entertainment, and Assignment Adaptation. The t-test showed that there was no significant differences problems among the different ages, but there was significant differences problems between different gender in 5 problem categories. The t-test also proved that only one significant different between rural and urban early adolescence children, that is in the Curricular and Teaching Method. The ANOVA test proved that there were significant differences in 5 problem categories. These findings showed that



the early adolescence children have the same major problems as the elder adolescence have which is Assignment Adaptation, but they have more varieties of problems than the elder adolescence. This research also found that the causes of the pre-adolescence problems is School Assignment Adaptation.



BAB I

LATAR BELAKANG KAJIAN

Masalah Remaja

Mempunyai anak remaja yang cemerlang sahsiah dirinya, cemerlang prestasi akademiknya dan cemerlang dalam kerjayanya, memang merupakan impian setiap ibu bapa, malah masyarakat dan negara jua. Justeru itu Kementerian Pendidikan (1987) telah menggubal Falsafah Pendidikan Negara yang berteraskan matlamat melahirkan insan yang cemerlang, seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi (Anwar Ibrahim 1988, dalam Abu Hassan Adam 1991). Anak-anak remaja merupakan aset berharga bagi sesuatu bangsa dan negara. Namun apa yang berlaku sekarang ialah gambaran seolah-olah ada kepincangan dalam diri remaja itu sendiri. Mereka seolah-olah tidak dapat memenuhi hasrat yang dicita-citakan oleh ibu bapa, masyarakat dan negaranya, sebaliknya hanya memenuhi hasrat dan kehendak diri mereka sendiri yang kadang-kala melanggar norma masyarakat dengan masalah-masalah yang mereka timbulkan.

Perlanggaran undang-undang dan norma masyarakat yang ditakrifkan oleh Sampson dan Laub (1990) sebagai keruntuhan akhlak di kalangan remaja, kini menjadi fenomena biasa dalam masyarakat. Sekiranya tiada langkah-langkah pro-aktif dari peringkat akar umbinya, dikhuatiri tingkah laku tersebut sukar dibendung. Walaupun tingkah laku ke arah jenayah itu memuncak pada peringkat pertengahan remaja, tetapi terdapat bukti (Sampson dan Laub, 1990) yang menunjukkan bahawa ia mungkin menjadi penjenayah semasa dewasa.

Masalah gejala sosial di kalangan remaja bukanlah perkara baru, bahkan sering menjadi tumpuan utama masyarakat termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Belia Dan Sukan, dan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad (1997). Sejak dekad-dekad kebelakangan ini masyarakat tidak putus-putus dikejutkan dengan pelbagai masalah remaja yang diberi liputan meluas melalui media cetak dan media elektronik, dan yang terkini melalui internet dan *e-mail*. Jika pada dekad 70-an masyarakat memperkatakan tentang penularan budaya kuning di kalangan remaja, keadaan menjadi lebih gawat pada dekad 80-an dan 90-an, lebih-lebih lagi dengan konsep `langit

terbuka' kini. Budaya lepak, *punk*, bohsia, bohjan, pembuangan bayi, pesta seks, sumbang mahram, homoseks, lesbian, pondan, penagihan dadah, lumba haram, minuman keras, merupakan penyakit remaja yang sedang menular.

Bagi remaja yang berada dalam persekolahan pula, masalah ponteng, tidak minat belajar, melawan guru, bergaduh, merosakkan harta sekolah, memeras ugut, merupakan satu lagi kelompok remaja bermasalah yang mendapat jolokan 'istimewa' iaitu 'samseng sekolah' (Watan, 7 Mei 1997). Akhbar tersebut melaporkan seramai 4,000 'samseng sekolah' dibuang sekolah dalam tempoh 1992 hingga 1996 atas kesalahan melanggar disiplin.

Chiam (1993) menyatakan bahawa jenayah yang dilakukan oleh remaja kini telah berkembang dengan struktur masyarakat yang begitu kompleks. Ertinya semakin masyarakat berkembang maju, semakin komplekslah juga permasalahan remaja. Pendapat ini disokong oleh Muhd Fauzi et al. (1997) yang menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi dan kemajuan teknologi yang pesat menyebabkan kehidupan remaja lebih mencabar. Dengan pertumbuhan ekonomi yang tinggi sejak

1988, bilangan ibu bapa yang bekerja bertambah. Mereka seolah-olah kurang mampu mengawal kelakuan anak-anak mereka.

Institusi sekolah yang sepatutnya menjadi tempat membentuk sahsiah diri remaja seakan-akan tidak mampu berbuat apa-apa terhadap anak-anak remaja yang berlindung di bawah bangunannya. Bagi ibu bapa pula, mereka seolah-olah terikat kaki tangan mereka dan tidak mampu berbuat apa-apa terhadap anak-anak remaja mereka. Masyarakat pula, tidak berani bersuara menegur perbuatan-perbuatan sumbang remaja di sekeliling mereka.

Namun begitu, janganlah kita lupa bahawa golongan remaja ini juga mempunyai keistimewaan tersendiri. Mereka ini bijak, kreatif, baik dan bertanggungjawab. Mereka lebih terbuka, peka dan berani. Ramai juga yang seimbang rohani dan jasmaninya. Menurut Ibrahim (1997) perkara ini dapat dibuktikan dengan jumlah remaja yang berjaya dalam pelajaran sehingga sebahagian besar daripada mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Namun begitu harus kita ingat, bahawa kejayaan melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi bukanlah kayu pengukur bagi kejayaan seseorang.

berlaku. Remaja perlu melalui cabaran-cabaran tersebut dengan jayanya di samping mengekalkan pertumbuhan positif. Oleh yang demikian ada remaja yang berjaya dan ada sebahagiannya yang gagal.

Namun demikian, sejak kebelakangan ini ada penyelidik-penyelidik yang mempertikaikan sama ada perlu mengkategorikan perubahan-perubahan tersebut sebagai *stormy and stressfull* seperti Brooks-Gunn & Reiter, 1990; Dornbusch, Petersen, Hetherington, 1990 (dalam Wigfield dan Eccless, 1994). Apa yang penting ialah semakin banyak penyelidikan tentang dunia remaja dilakukan, akan lebih besarlah peluang kita memahami mengapa sesetengah remaja dapat melalui perubahan-perubahan tersebut dengan jayanya, manakala sebahagian yang lain mengalami kegagalan. Bagaimanakah kita sebagai masyarakat dewasa, dapat membantu remaja membuat penyesuaian kepada alamnya tanpa berlaku pemberontakan (rebell), atau sekurang-kurangnya mengurangkan kesakitan mereka? Bagaimanakah cara terbaik untuk ibu bapa membimbing dan mendidik anak-anak remaja mereka dengan berkesan dan selesa, atau apakah cara terbaik yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk mengharmonikan

remaja dalam dunia mereka? Pihak sekolah pula tentu sekali berhasrat untuk tidak mengalami konflik dengan pelajar-pelajar mereka.

Oleh yang demikian, sudah tentu penyelidikan tentang remaja amat penting, untuk membolehkan kita semua menangani remaja dengan selesa, harmoni, dan berkesan. Manakala remaja pula akan berasa selesa dan kurang memberontak dalam melalui zaman pancarobanya. Sekolah sebagai institusi pendidikan yang menjadi tempat kedua remaja mensosialisasikan dirinya, tidak dapat dinafikan mempunyai peranan yang amat penting dan mencabar. Sekolah perlu menjadi tempat yang menyeronokkan dan memenuhi keperluan remaja, dalam masa yang sama remaja akur dengan peraturan sekolah dan menghormati guru. Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Dr. Fong Chang Onn, 1995 (dalam Tan Cheng Yee 1996) menegaskan bahawa pelajar-pelajar sekolah memerlukan bimbingan dalam proses pertumbuhan dan perkembangan yang sihat dan lebih cemerlang. Sungguhpun kita berhasrat untuk melahirkan ribuan doktor, ahli, sains, akauntan, jurutera dan sebagainya, kita juga tidak lupa bahawa cendekiawan yang bakal kita lahirkan nanti harus tidak lupa akan

tanggungjawab kepada agama, bangsa, dan negara di samping kecintaan dan penghormatan yang tidak luntur kepada ibu bapa, sanak-saudara, dan sahabat-handai. Negara tidak mahu melahirkan cerdik pandai yang hanya mahu mementingkan diri sendiri dan mengabaikan kepentingan orang lain. Justeru itu maka pendidikan ke arah itu harus dimulai dari zaman kanak-kanak yang masih `rebung', kerana itulah sebenarnya matlamat falsafat pendidikan negara kita.

Maka, adalah baik jika sekolah berupaya melakukan perubahan-perubahan atau sedikit reformasi agar dapat menjadi tempat yang disayangi oleh remaja kerana berupaya menyediakan dan memenuhi keperluan remaja, tanpa melanggar matlamat pendidikan itu sendiri. Di Malaysia sendiri banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik tempatan mengenai remaja dan permasalahannya. Tetapi rata-rata kajian tersebut memberi tumpuan kepada remaja di peringkat sekolah menengah, dan institusi pengajian tinggi sahaja, seperti Chiam (1982), Lim Hong Guan dan Sarojini Menon (1982), Jamaliah Ahmad (1988), Hamidah dan Abdul Halim (1986), Tin See How dan Abdul Halim (1989), Lam Paw Lien (1991), Samsanis (1994), Angela (1994), Umi Kalthum (1994), dan Noor Adiah (1998). Setakat sorotan kajian lepas

yang dilakukan oleh penyelidik dalam masa terhad, didapati belum ada lagi kajian yang dijalankan untuk peringkat sekolah rendah, iaitu zaman kanak-kanak awal remaja. Oleh itu kajian ini cuba melihat apakah yang dapat dilakukan di peringkat sekolah rendah untuk membendung gejala negatif sebelum murid-murid awal remaja ini memasuki alam sekolah menengah.

Kita tidak dapat mengelak daripada mengakui bahawa kanak-kanak awal remaja ini juga mempunyai permasalahannya yang tersendiri, di sebalik keriangannya yang menghiasi kehidupan mereka tersembunyi masalah yang memerlukan perhatian. Sekiranya tidak, kesan terhadap perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak tersebut bukanlah kecil.

Pernyataan Masalah

Jika ditinjau dari segi teori perkembangan kanak-kanak, sebenarnya kanak-kanak pada peringkat awal remaja (11 hingga 12 tahun), yang berada di bangku sekolah rendah ialah kanak-kanak yang paling banyak mengalami perubahan fizikal, emosi, sosial dan kognitif, berbanding dengan peringkat pertengahan remaja dan akhir remaja. Jadi bolehlah

disimpulkan bahawa kanak-kanak pada peringkat ini mengalami masalah penyesuaian (asimilasi dan akomodasi), dan sudah barang tentu kanak-kanak ini mengalami masalah dalam menjalani kehidupan sehari-hariannya. Masalah peribadi, rakan sebaya, ibu bapa, guru, sekolah dan masyarakat adalah berhubungkait dengan perubahan fizikal, emosi, kognitif dan sosial yang sedang mereka alami.

Namun begitu, oleh sebab setakat dapatan penyelidikan terhadap sorotan literatur, mendapati belum ada kajian khusus yang dijalankan mengenai masalah kanak-kanak awal remaja di negara kita, maka penyelidik cuba membuat kajian awal tentang permasalahan kanak-kanak awal remaja ini. Diharapkan daripada kajian ini nanti akan lebih mudah masyarakat terutama guru-guru dan ibu bapa memahami masalah kanak-kanak awal remaja tersebut.

Perkhidmatan khusus untuk membantu murid-murid sekolah rendah menangani masalah mereka khasnya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga masih belum diadakan. Jika adapun perkhidmatan tersebut diberi oleh guru-guru secara persendirian dan sampingan tanpa ada struktur yang jelas dan mantap. Daripada kajian ini juga diharapkan akan dapat

memberi cadangan-cadangan khusus untuk membantu murid-murid sekolah rendah ini, menjadi remaja yang melihat diri mereka sebagai unik, bersepadu dan mempunyai pegangan, tidak keliru tentang apa yang mereka mahukan dalam kehidupan mereka. Gejala salah laku, murung, menyendiri, memberontak, bergaduh, tidak minat belajar, dan lain-lain jenayah juvana harus dikaji dan ditangani dengan baik.

Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk melihat pola permasalahan murid-murid sekolah rendah dan seterusnya mencari faktor penyebab permasalahan tersebut secara khusus dan mencadangkan program-program pencegahan, selain pengembangan dan pengayaan.

Objektif Kajian

1. Untuk melihat pola permasalahan murid-murid awal remaja di sekolah rendah bandar dan luar bandar.
2. Untuk mengesan punca atau faktor penyebab kepada masalah yang dihadapi oleh murid-murid awal remaja di sekolah rendah bandar dan luar bandar.

3. Untuk mengkaji pola rujukan pembimbing di kalangan murid-murid awal remaja di sekolah rendah bandar dan luar bandar.
4. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan masalah di antara murid yang berumur 11 dan 12 tahun di sekolah rendah bandar dan luar bandar.
5. Untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan masalah antara murid berlainan jantina di sekolah bandar dan luar bandar.
6. Untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan masalah antara murid awal remaja di sekolah rendah bandar dan luar bandar.
7. Untuk mengkaji terdapat perbezaan masalah antara murid yang berlainan status sosio-ekonominya.
8. Untuk mengemukakan cadangan program pencegahan, pengembangan dan pengayaan.

Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah pola permasalahan murid-murid awal remaja tahun 5 dan tahun 6 di sekolah rendah bandar dan luar bandar?